

Kata Nama Ganti Diri

1. "Saya menjemput _____ datang ke rumah _____ pada hari Ahad ini," kata Siew Mei kepada rakan-rakannya.
A. kalian, saya B. kalian, beta C. anda, mereka D. awak, dia
2. Anis merupakan anak emas ibu bapa dan guru _____ kerana dia sentiasa rajin belajar dan bersopan santun.
A. nya B. kami C. baginda D. mereka
3. Cikgu Lim disanjung kerana _____ seorang guru yang berdedikasi.
A. beliau B. dia C. mereka D. ia
4. _____ sedang berlatih bersungguh-sungguh kerana akan menyertai pertandingan bola sepak peringkat sekolah.
A. Patik B. Hamba C. Mereka D. Nya
5. "Mengapakah _____ menangis?" Tanya Puan Mariah kepada anaknya.
A. mereka B. beta C. saya D. kamu
6. " _____ mahu kejadian itu disiasat dengan segera," titah Sultan Mansor.
A. Saya B. Aku C. Beta D. Patik

Penjodoh Bilangan

7. Pak Abu mengikat kayu-kayan yang dikumpulnya dengan se _____ tali.
A. ulas B. utas C. untai D. kaki
8. Se _____ nasi lemak di gerai itu berharga berapa?
A. butir B. kawan C. cubit D. bungkus
9. Doktor Lim memakai se _____ sarung tangan sewaktu menjalankan pembedahan.
A. pasang B. buah C. deret D. biji
10. Pemburu itu menjumpai se _____ senapang dan beberapa _____ peluru di pinggir hutan.
A. laras, butir B. laras, ulas C. pucuk, biji D. raga, butir
11. Pencuri itu bersenjatakan se _____ pisau.
A. pasang B. helai C. bilah D. untai

12. Terdapat beberapa _____ serai yang tumbuh di belakang rumahnya.
A rumpun B utas C laras D helai

Kata Bilangan

13. Kim Seng mendapat tempat _____ dalam pertandingan pidato itu.
A. berdua B. dua C. kedua-dua D. kedua
14. _____ orang murid kelas itu tidak menyiapkan kerja rumah.
A. Setengah B. Separuh C. Beberapa D. Berapa
15. _____ murid lelaki di sekolah itu diwajibkan memakai tali leher.
A Tiap B Setiap C Berapa D Beberapa
16. Dia telah makan _____ daripada kek yang dibuat oleh ibunya.
A separuh B sesetengah C segelintir D pelbagai
17. _____ penduduk kampung itu telah berpindah ke bandar.
A Seseengah B Setengah C Beberapa D Satu
18. Saya sudah menunggu awak di sini selama _____.
A setengah satu jam C satu setengah jam
B satu jam setengah D sesetengah jam

Kata Seru

19. _____, cantiknya baju kurungmu!
A. Aduhai B. Nah C. Amboi D. Wahai
20. _____ murid-murid, hormatilah ibu bapa kalian!
A. Aduhai B. Ah C. Oh D. Wahai
21. _____, berani engkau mencabar aku!
A Cis B Wah C Wahai D Syabas
22. _____, tingginya Menara Kuala Lumpur!
A Syabas B Wah C Oh D Nah
23. _____, sakitnya tapak kakiku!
A Aduh B Aduhai C Wahai D Cis
24. _____, ambillah bekas makanan ini!
A Amboi B Aduh C Hore D Nah

Kata Hubung

25. Program yang dilancarkan oleh pihak kerajaan itu adalah _____ membasmi kemiskinan penduduk luar bandar.
A. walaupun B. untuk C. demi D. sementara
26. Halina bangun daripada tidur _____ menggosok gigi.
A. agar B. supaya C. sambil D. lalu
27. Semua murid telah pergi ke padang _____ Ahmad.
A. kecuali B. dan C. tetapi D. walaupun
28. Pertandingan bola sepak terpaksa dihentikan _____ hujan turun.
A. apabila B. selepas C. namun D. untuk
29. _____ mula memandu, sila pasang tali pinggang keledar anda.
A. Selepas B. Apabila C. Sebelum D. Ketika
30. Saya menamakan kucing saya Si Putih _____ bulu badannya berwarna putih.
A. untuk B. tetapi C. lalu D. kerana

Kata Arah

31. Kakak memasukkan buah-buah epal itu ke _____ raga.
A. luar B. tepi C. dalam D. bawah
32. Balai polis itu terletak di _____ masjid.
A. sisi B. tepi C. tengah D. antara
33. Persahabatan _____ mereka berdua renggang sejak kejadian itu berlaku.
A. dalam B. antara C. tepi D. atas
34. Orang-orang yang dipacak di _____ sawah padi itu adalah untuk menakutkan burung.
A. antara B. belakang C. tepi D. tengah
35. Beberapa ekor lalat hinggap di _____ kek coklat itu.
A. atas B. sudut C. bawah D. belakang
36. Mei Hui menoleh ke _____ apabila terdengar namanya dipanggil.
A. sisi B. utara C. belakang D. sudut

Kata Sendi Nama

37. Ceramah _____ gaya hidup sihat itu disampaikan oleh pegawai kesihatan dari Hospital Ismail.
A. bagi B. akan C. tentang D. pada
38. Pak Saiful menambat lembunya _____ pokok kelapa.
A. pada B. kepada C. daripada D. dari
39. Sabri berasa bangga dan gembira kerana dilantik _____ ketua pengawas sekolah.
A. kepada B. sebagai C. seperti D. bagi
40. Cikgu Siti mengedarkan brosur Kempen Budi Bahasa _____ murid-murid kelas 6A.
A. hingga B. akan C. pada D. kepada
41. Aini belajar _____ bersungguh-sungguh kerana dia ingin menjadi pelajar terbaik.
A. dengan B. kepada C. akan D. terhadap
42. Ayah masih belum pulang _____ pejabat meskipun hari sudah lewat petang.
A. di B. ke C. dari D. daripada

Kata Nama/Kerja Berimbuhan

43. Ramai _____ diperlukan untuk dihantar ke negara-negara yang ditimpa bencana alam.
A. hartawan B. sukarelawan C. karyawan D. budiman
44. Pihak kerajaan haruslah giat menjalankan _____ untuk memantapkan sukan negara.
A. kajian B. pengkajian C. pengajian D. kekajian
45. Suri dan Asraf akan menyertai _____ drama yang akan diadakan semasa Pesta Kebudayaan itu.
A. pertandingan B. petandingan C. penandingan D. ketandingan
46. Kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar itu akan dibukukan oleh pihak _____.
A. penganjur B. peganjur C. penganjuran D. peganjuran
47. Semua murid wajib hadir pada hari ganti _____.
A. pesekolahan B. persekolahan C. penyekolahan D. pengsekolahan

48. Majlis _____ Kempen Kitar Semula itu melibatkan warga sekolah dan pihak Jabatan Alam Sekitar.
A memperlancar B dilancarkan C perlancar D pelancaran
49. Pihak sekolah menerima _____ daripada syarikat swasta untuk menjayakan program tersebut.
A sumbangkan B sumbangi C sumbangan D sumbang
50. Semangat _____ jelas kelihatan melalui program Hari Keluarga itu.
A penkitaan B kitakan C kekitaan D kitaan
51. Pelancongan merupakan salah satu industri yang mampu memberikan _____ yang lumayan terhadap pembangunan negara.
A pulangan B pemulangan C kepulangan D pulangkan

Kata Bantu

52. Pakaian yang berlonggok di dalam bakul itu _____ berbasuh.
A. mesti B. belum C. sedang D. hendak
53. Amirul _____ bekerja sebagai peguam di Indonesia selama tujuh tahun.
A harus B belum C mesti D pernah
54. Abang dan kawan-kawannya _____ bertolak ke Desaru pada hari semalam.
A masih B sedang C telah D akan

Kata Adjektif

55. Negara kita semakin _____ setelah mencapai kemerdekaan kira-kira 64 tahun yang lalu.
A. laju B. lama C. maju D. pantas
56. Saya bercakap dengan _____ dan lembut semasa berbual-bual dengan ibu bapa saya.
A. kuat B. kasar C. sopan D. garau
57. "Wang itu saya sumbangkan secara _____," kata Lee kepada Wong.
A ikhlas B benci C gembira D rapat
58. Adik perempuan saya tidak dapat makan nasi lemak itu kerana sambalnya agak _____.
A tawar B masam C manis D pedas

59. Juadah berbuka puasa yang disediakan oleh jiran saya sangat _____.

A lembut

B lazat

C indah

D jelas

60. Demi perasaan _____ akan tanah air, askar negara kita sanggup berkorban nyawa.

A benci

B gembira

C sedih

D cinta